

# Rakyat pelbagai kaum hadiri rumah terbuka Aidiladha Dr. Mahathir

M - 2 FEB 2004

JITRA 1 Feb — ribuan rakyat Kedah pelbagai peringkat usia dan kaum menghadiri sambutan rumah terbuka Hari Raya Aidiladha anjuran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Dewan Wawasan di sini, hari ini.

Walaupun sambutan kali ini agak berbeza memandangkan Dr. Mahathir bukan lagi sebagai Perdana Menteri, namun kehadiran sebegitu banyak rakyat ke majlis tersebut membuktikan bahawa rakyat tetap menghormati dan menyanjung tinggi bekas pemimpin negara itu.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Ra-

zak Syed Zain dan isteri, Datin Seri Syarifah Hamidah Syed Hamid serta beberapa kenamaan lain termasuk Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib.

Rumah terbuka seumpama itu telah diadakan secara tradisi oleh Dr. Mahathir dan isteri sejak memegang tampuk pemerintahan negara lagi.

Orang ramai yang hadir seawal pukul 10 pagi bukan sahaja dapat menikmati pelbagai juadah yang disediakan seperti ketupat pulut, rendang, sate dan kuih-muih tetapi juga tidak melepaskan peluang bersalaman dengan Dr. Mahathir dan isteri.